

TEKS UCAPAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
REGENT HOTEL, KUALA LUMPUR
MAJLIS BERBUKA PUASA BERSAMA SKUAD BADMINTON TUKOM
09 FEBUARI 1996

1. Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada para hadirin, tetamu-tetamu kehormat, penaja-penaja dan rakan-rakan kerana sudi bersama-sama untuk berbuka puasa dengan pemain-pemain badminton dan jurulatih-jurulatih dari BAM, Nusa Mahsuri dan Wira Tangkis, anjuran BAM/YBM pada malam ini. Ini adalah satu-satunya acara di mana rakan-rakan Badminton dapat bermesra dengan pemain-pemain yang ditajanya dengan lebih dekat lagi dan juga dengan pegawai-pegawai yang menguruskan permainan-permainan dan persediaan-persediaan mereka.

2. Perjumpaan malam ini lebih bermakna lagi kerana pemain-pemain negara akan mula berlepas ke NewZealand pada 12 Februari dan 14 Februari 1996 ini, untuk bermain dalam pusingan kelayakan bagi Uber Cup mulai 19 Februari dan Thomas Cup mulai 22 Februari 1996. Sekali lagi kontinjen Malaysia tidak akan dapat bersama-sama kita pada Hari Raya Aidil Fitri tahun ini dan Hari Tahun Baru Cina. Saya berharap pemain-pemain tidak berasa kecewa tentang hal ini kerana kita bukanlah kontinjen yang dalam keadaan seperti ini sahaja malahan lebih satu ribu rakyat Malaysia sekarang dihantar ke negara lain kerana tugas-tugas dan tanggungjawab yang lebih berat lagi. Mereka juga telah tidak dapat bersama-sama keluarga mereka dalam hari-hari perayaan dua hingga tiga tahun berturut-turut.

3. Saya berbuat bandingan ini kerana kontinjen MALCON I kini berada di Bosnia-Herzegovina. Yang membezakan mereka dengan kita ialah MALCON dibekalkan senjata api, kontinjen badminton pula bersenjatakan reket sahaja. Peluru kita ialah bola tangkis yang dibekalkan dengan banyak sekali.

4. Selain perbezaan ini, saya rasa tanggungjawab kedua-dua kontinjen ini serupa. Kedua-dua pasukan perlu bersiap sedia untuk menghadapi cabaran dan mempertahankan diri serta maruah negara. Latihan secara teratur dengan penuh tatatertib, berdisiplin, patuh pada arahan, bertekun hati, berpemikiran positif dan bersemangat jaya adalah rukun dalam perjuangan setiap kontinjen. Saya percaya inilah sifat dan sikap yang ada di dalam diri pemain-pemain Thomas - Uber Cup kita.

5. Bersama-sama dengan kita juga pada malam yang mulia ini ialah beberapa pihak iaitu:

- i) pegawai-pegawai BAM/YBM/MSN, yang sama-sama menguruskan persediaan-persediaan pemain-pemain;
- ii) penaja-penaja dan rakan-rakan sukan badminton yang telah memberi sumbangan dan sokongan moral untuk sukan badminton majujaya ke tahap

cemerlang;

- iii) pemain-pemain dan jurulatih-jurulatih mereka yang menjadi sasaran kenapa kita berusaha memajukan mereka ke tahap cemerlang

6. Saya sebutkan kumpulan-kumpulan hadirin ini kerana dengan kerjasama dan bantuan ketiga-tiga mereka ini sahajalah, yang badminton akan maju dan pemain-pemainnya akan bersemangat untuk bermain. Bagi pihak BAM, penajaan dari MSN dan pihak korporat amatlah disanjung tinggi dan saya mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada HICOM, EON dan PROTON, RESORT WORLDS, BERJAYA, GANAD, MSN, RTM yang menaja pemain-pemain BAM. Saya sedar bahawa harapan tuan-tuan terhadap sukan badminton dan pemain-pemain amatlah tinggi, dan kami akan berusaha bersungguh-sungguh supaya tajaan tuan-tuan itu tidak menjadi sia-sia sahaja dan sumbangan tuan-tuan akan digunakan untuk pembangunan sukan badminton dan pemain-pemainnya.

7. Kepada pemain-pemain Thomas Cup, dan Uber, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kerana dipilih untuk mewakili negara, bukan sahaja bagi tahun ini bahkan untuk tahun-tahun yang akan datang melayakkan diri dalam perlawanan-perlawanan yang besar dan hebat. Atas bahu saudara-saudarilah letaknya tanggungjawab ala 'military' yang saya sebutkan tadi. You have been chosen to play for the country and therefore you should be well prepared physically, mentally and technically for your responsibilities. I'm sure you are already aware that there's no easy way out of this except to train very hard, which I know you have been doing, and participate in major tournaments in between.

8. To those players who have successfully reached the finals and semi-finals, in recent tournaments, I congratulate them all for their efforts and hope that there will be more winnings than losings this year.

9. In our Thomas Cup Contingent this year are professional players from Nusa Mahsuri and Wira Tangkis. I welcome them and congratulate them for being with us. As a formidable team, we have very high hopes of winning and bringing home the Thomas Cup again but the most important thing is team work. You may come from different groups but your aim and target is the same, so it is a collective responsibility now for you to train together and concentrate on coaching and playing. We have officially announced the coaches in charge of our Thomas and Uber Cup teams. We should let them carry out their responsibilities with peace of mind. I will leave the advice to the players to the Prime Minister to say so, but I just wish to remind all players who will be leaving soon, that the country's hopes from you are tremendous, just as in 1992 and in 1994. The sponsors here have given BAM full support, and I am sure you as the players for which this support was given, will appreciate this and would make great efforts to achieve success.

10. The sponsors will not be the only ones watching you. The whole nation will be

saying their prayers and hopes for you. They will be reading about your progress and achievements from the various media. The media will detail your movements, to the very corner of the hall you train, with whom, whether you talk to each other or not etc, etc. I would like to appeal to the media to be more encouraging and friendly to sports -whatever sports in this country. Our young men and women need them.

11. Bagi mengakhiri ucapan saya ini, saya ucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada para hadirin kerana sudi hadir bersama-sama untuk mengucapkan selamat berjaya kepada pemain-pemain badminton kita.

12. Saya ucapkan selamat terbang kepada Malaysian Contigent ke Auckland dan berdoa semoga mereka akan berlawan dengan bersungguh-sungguh untuk mencapai kemenangan cemerlang yang akan membawa mereka ke peringkat final Thomas dan Uber Cup di Hongkong pada bulan Mei nanti.

13. Selamat Tahun Baru Cina dan Selamat Hari Raya Aidil Fitri kepada saudara-saudari dan para hadirin sekalian.